

21 MAY 1999

Dadah

KEMENTERIAN KEWANGAN DIMINTA TAMBAH PERUNTUKAN BASMI DADAH

KUALA LUMPUR, 21 Mei (Bernama) -- Kementerian Kewangan akan diminta menambah peruntukan bagi membanteras gejala dadah di negara ini, kata Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir hari ini.

"Saya sendiri akan yakinkan Menteri Kewangan untuk menambah peruntukan ini kerana lebih baik kita berbelanja sedikit sekarang untuk kebaikan negara pada jangka panjang," katanya kepada pemberita selepas melancarkan laman web Agensi Dadah Kebangsaan (ADK) di sini.

Abdul Kadir berkata sebanyak RM76.2 juta diperuntukkan tahun ini untuk mengatasi masalah berkenaan termasuk RM61.7 juta bagi belanja pengurusan dan RM14.5 bagi pembangunan.

"Pada pandangan saya, angka itu terlalu kecil untuk memerangi apa yang boleh disifatkan sebagai satu tragedi nasional," kata Abdul Kadir yang akan mengambil sumpah jawatan sebagai Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan yang baru Selasa depan.

Abdul Kadir akan menggantikan Datuk Seri Sabbaruddin Chik ekoran satu rombakan kecil Kabinet yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam. Beliau akan mengangkat sumpah Selasa ini.

Beliau berkata ADK sedang menimbang memperkenalkan konsep "Bilik Operasi" - kaedah yang digunakan sewaktu negara menentang pengganas komunis - bagi menangani gejala dadah secara menyeluruh.

Antara lain, melibatkan pembahagian kawasan terlibat kepada tiga warna iaitu putih bagi kawasan yang bebas daripada dadah, kelabu bagi kawasan yang sedang dijalankan usaha membanteras dan hitam bagi kawasan yang menjadi sarang penagih dan pengedaran dadah.

Selain itu, Abdul Kadir berkata cadangan penubuhan pasukan polis bantuan juga telah dibuat bagi membolehkan pemimpin dan penduduk kawasan luar bandar membantu kerajaan mengatasi masalah penyalahgunaan dan pengedaran dadah yang banyak berlaku di kawasan berkenaan.

Sehingga kini, pihak berkuasa mengenal pasti 162,750 penagih baru dan penagih berulang di seluruh negara, katanya.

-- BERNAMA

MAM PR